



Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. 10 ( 30 )  
Tarikh : 10 Okt 2018

## SIARAN MEDIA

### MARITIM MALAYSIA DENGAN KERJASAMA TNI-AL BEBASKAN BOT NELAYAN TEMPATAN

**PUTRAJAYA, 10 OKT –** Sebuah Bot Nelayan Tempatan (BNT) dengan nombor pendaftaran PKFB 1837 (C2) yang ditahan oleh kapal Penguasa Indonesia pada 8 Oktober 2018 lalu, kini telah dibebaskan oleh Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Laut (TNI- AL) di Lantamal 1, Belawan, Indonesia.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Maritim (BKPM), Laksamana Muda Maritim Dato' Mohd Aliyas bin Hamdan berkata, Maritim Malaysia telah menerima satu laporan polis dari pemilik bot iaitu Encik Khor Sek Ket dari Pantai Remis, Perak yang menyatakan bot miliknya telah ditahan oleh sebuah kapal Penguat Kuasa Indonesia ketika sedang beroperasi menangkap ikan di dalam perairan Malaysia.

Katanya lagi, Maritim Malaysia seterusnya mendapatkan bantuan rakan sejawatnya iaitu Badan Keamanan Laut (BAKAMLA) Indonesia bagi mengesan bot nelayan tempatan PKFB 1837 (C2) yang dipercayai di tahan oleh kapal Penguat Kuasa Indonesia KRI 630 milik TNI AL pada jarak lebih kurang 25 batu nautika (bn) dalam perairan negara dan 1.5 bn dari Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang didakwa sebagai kawasan bertindih. Seterusnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Maritim Malaysia meneruskan usaha untuk menghubungi pihak TNI-AL bagi membebaskan Bot Nelayan Tempatan tersebut.

Siasatan selanjutnya dari *Automatic Identification System (AIS)* atau *Vessel Tracking System* mengenai bot nelayan tempatan PKFB 1837 (C2) telah menunjukkan bahawa bot tersebut masih berada dalam perairan Malaysia ketika ditahan.

Selepas satu rundingan dan kerjasama yang baik di antara Maritim Malaysia dan TNI - AL, bot berkenaan telah dibebaskan dan dibenarkan pulang ke Malaysia. Bot tersebut telah tiba di Pantai Remis, Perak awal pagi tadi. Rundingan terus itu melibatkan Ketua Pengarah Maritim Malaysia dan Pejabat Kepala Staf TNI- AL (KASAL) agar BNT dilepaskan.

Maritim Malaysia merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada TNI-AL, kerana telah memberi kerjasama yang amat baik dalam isu pembebasan bot nelayan Malaysia. Kerjasama ini diyakini berdasarkan persefahaman dan pematuhan perjanjian MoU Malaysia – Indonesia yang ditandatangani pada 27 Januari 2012 yang menunjukkan kedua-dua negara jiran perlu mematuhi dan memahami prinsip periksa dan lepas seperti yang terkandung di dalam perjanjian tersebut.

Untuk makluman, setakat ini terdapat beberapa buah BNT lain yang turut ditahan oleh Penguasa Indonesia seperti berikut:

- a. KHF 315 – BNT ditahan oleh POLAIR pada 18 September jam lebih kurang 9.50 malam di posisi lebih kurang 44.6 bn barat Pulau Pinang. BNT berada di Belawan, Medan, Indonesia
- b. PKFA 8157 dan SLFA 4017 – Kedua-dua BNT ditahan oleh TNI-AL pada 27 September jam lebih kurang 12.00 tengahari di posisi lebih kurang 36.6 bn barat daya Sekinchan dan 2.3 bn dari ZEE. BNT berada di Belawan, Medan, Indonesia
- c. PKFB 600 - BNT ditahan oleh BAKAMLA pada 30 September di posisi lebih kurang 46.2 bn Barat Daya Pulau Kendi dan 31.3 bn dari ZEE. BNT berada di Belawan, Medan, Indonesia

Kesemua BNT ini adalah dari Hutan Melintang, Perak dan telah ditahan dalam tempoh dua (2) minggu oleh Penguasa Indonesia.

Melalui persefahaman dan kerjasama APMM dengan Agensi Penguatkuasa Indonesia, fokus penguatkuasaan oleh mereka adalah:

- (1) Pencerobohan perairan perikanan Indonesia oleh bot-bot nelayan tempatan Malaysia; dan

(2) Aktiviti pengedaran dadah oleh awak-awak BNT. Pemilik/ pengusaha disarankan mengambil tindakan berikut:

- 2.1 Menentukan anda tidak terlibat, bebas dari salahguna dadah;
- 2.2 BNT tidak digunakan atau dijadikan sebagai vesel untuk mengedar/ menyeludup dadah. APMM akan bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi menangani masalah ini.
- 2.3 BNT digesa tidak memasuki perairan perikanan Indonesia
- 2.4 BNT juga tidak digalakkan untuk menangkap ikan di dalam kawasan pertindihan
- 2.5 Mengambilkira nilai harga sesebuah BNT, pemilik disarankan untuk memasang *Automatic Identification System (AIS)* atau *Vessel Tracking System* yang sesuai di mana boleh merekodkan posisi agar boleh dijadikan bahan bukti lokasi mereka pada setiap masa apabila ditahan

-TAMAT-

---

Sebarang pertanyaan , sila hubungi:  
Puan Faridah binti Shuib  
Pengarah Komunikasi Korporat, Maritim Malaysia  
Tel: 019-2188001